

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIF BIN ABDUL  
RAHMAN  
[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kesediaan untuk mengkaji semula denda saman AwAS yang sangat tinggi berbanding sebelumnya dan apakah ada kajian menyeluruh tentang keberkesanan sistem tersebut dalam mengurangkan kemalangan jalan raya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mengambil alih operasi sistem AwAS, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan.

2. Perkara pertama adalah menetapkan dasar bahawa tiada sebarang pengurangan kadar kompaun akan diberikan ke atas sebarang notis saman yang dikeluarkan kepada Orang Yang Kena Saman (OKS). Seterusnya, di dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, tarikh kehadiran ke Mahkamah akan terus ditetapkan. Namun begitu, dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, OKS juga akan diberikan tawaran kompaun sebanyak RM300 sekiranya OKS memilih untuk mengaku bersalah dan memilih untuk menerima tawaran kompaun tersebut. OKS akan diberi tempoh selama enam puluh (60) hari untuk berbuat demikian. Sekiranya OKS tidak mengaku bersalah dan memilih untuk dibicarakan, OKS bolehlah hadir ke Mahkamah pada tarikh yang telah dinyatakan di dalam Notis Saman tersebut dan membentangkan kesnya di Mahkamah.

3. Jika OKS tidak menerima tawaran kompaun seterusnya gagal hadir ke Mahkamah seperti yang dikehendaki, tindakan senarai hitam akan diambil dan OKS akan dihalang daripada melakukan apa jua transaksi serta urusan dengan JPJ sehingga kes diselesaikan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat bulan Februari 2019, 55,202 kes Notis Saman telah dirujuk ke Mahkamah dan sebanyak 55,133 kes telah disenarai hitam kerana kegagalan OKS untuk hadir di mahkamah bagi menjawab pertuduhan ke atasnya berhubung Notis Saman AwAS.

5. Berkenaan dengan kajian keberkesanan AwAS, analisis MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AwAS di lebuh raya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebelum kamera beroperasi. Selain itu, impak pelaksanaan di

enam lokasi rintis menunjukkan kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat ke 98%.

6. Akhir sekali, Kerajaan pada masa ini belum mempunyai cadangan untuk mengkaji semula kadar tawaran kompaun yang telah ditetapkan bagi kesalahan di rekodkan menerusi sistem AwAS iaitu RM300. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada keperluan di masa hadapan, Kerajaan adalah sentiasa terbuka untuk mengkaji semula kadar kompaun ini bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan demi mendidik semua pengguna jalan raya supaya memandu dengan berhemah dan mengutamakan keselamatan jalan raya.

Sekian, terima kasih.